

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

SOALAN

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah latihan dan agensi penarafan yang sedia ada berperanan sebagai satu pasukan. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan *National Advisory Board Technical Education Malaysia* (NABTEM)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan jaminan kualiti bagi program-program yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia, termasuk program-program di bawah pengiktirafan oleh badan profesional sebagaimana Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [*Akta 679*]. Pelaksanaan penilaian akreditasi bagi program-program di bawah seliaan badan profesional dilaksanakan bersama oleh MQA dan badan profesional yang berkaitan melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama selaras dengan peruntukan Seksyen 51, Akta MQA [*Akta 679*]. Sehingga Ogos 2021, terdapat 22 badan profesional yang telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi tujuan penyelarasan proses kerja akreditasi.

Selain itu, MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut bekerjasama melalui pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET bagi memperkukuhkan sistem akreditasi program TVET secara lebih

menyeluruh dan bersepadu. Inisiatif ini dilaksanakan hasil keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 yang melibatkan 3 perkara utama bagi memastikan akreditasi program TVET dilaksanakan secara bersepadu iaitu:

- i. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee, JTC*) Jaminan Kualiti TVET yang bertanggungjawab menyelaraskan dasar dan proses akreditasi program TVET;
- ii. Pemakaian dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) dalam pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh MQA dan JPK; dan
- iii. Penambahbaikan laluan pendidikan graduan TVET

Pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan secara berterusan oleh KPT dengan jalinan kerjasama pelbagai Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk memperkukuh kualiti program TVET yang dapat menyumbangkan kepada pembangunan bakat negara.

Pada masa ini, KPT tiada perancangan berhubung penubuhan *National Advisory Board Technical Education Malaysia* (NABTEM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah murid sekolah rendah dan menengah yang obes, apakah faktor yang menyebabkan masalah ini dan bagaimana Kementerian menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan kecergasan dan kesihatan murid diberi keutamaan. Sehubungan dengan itu, KPM telah merangka kurikulum dan aktiviti yang dapat membantu meningkatkan kecergasan dan menjaga kesihatan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mengenal pasti status obes murid melalui ujian Indeks Jisim Badan (BMI) yang melibatkan pengukuran berat badan dan tinggi. Ujian BMI terkandung dalam ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) dilaksanakan sejak tahun 2008. Murid yang berumur 10 hingga 17 tahun akan mengambil ujian SEGAK bagi memastikan mereka sentiasa peka, berpengetahuan dan mengamalkan aktiviti kecergasan untuk meningkat dan mengekalkan tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan yang optimum.

KPM dapat mengesan bilangan murid obes yang berumur di antara 10 hingga 17 tahun menerusi data keputusan ujian SEGAK tahun 2019. Ujian SEGAK bagi tahun 2020 dan 2021 hanya dilaksanakan kepada murid berumur 17 tahun yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) susulan daripada pandemik COVID-19 yang membataskan aktiviti fizikal dilaksanakan. Walau bagaimanapun, murid Tingkatan 5 perlu menjalani ujian SEGAK kerana ia merupakan salah satu kriteria yang digunakan untuk kemasukan ke institusi seperti Kolej Matrikulasi KPM serta Institut Pendidikan Guru.

Berdasarkan data SEGAK tahun 2019, bilangan murid sekolah rendah berumur antara 10 hingga 12 tahun yang obes adalah seramai 212,097 (15.8 peratus). Manakala bilangan murid sekolah menengah berumur antara 13 hingga 17 tahun yang obes adalah seramai 202,862 (11.1 peratus).

Maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan

bahawa faktor penyebab yang menyumbang kepada masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak adalah berpunca daripada genetik, kurang melakukan aktiviti fizikal dan amalan pemakanan yang tidak sihat. Bagi menangani masalah obesiti dalam kalangan murid sekolah, KPM bekerjasama rapat dengan KKM melaksana aktiviti seperti berikut, antaranya:

- a. pemantauan menu pemakanan sihat di kantin sekolah;
- b. larangan penjualan makanan tidak berkhasiat di kantin sekolah;
- c. pelaksanaan Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS);
- d. mengemas kini menu sihat asrama;
- e. latihan kepada penyedia makanan untuk menyediakan makanan berkhasiat kepada murid sekolah;
- f. penubuhan Pasukan Kesihatan Sekolah bagi menjalankan saringan status pemakanan dalam kalangan murid sekolah; dan
- g. pelaksanaan Inisiatif Pemerksaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Bagi Menangani Masalah Obesiti di Sekolah (C-HAT).

Selain itu, KPM turut merancang untuk melaksana program baharu yang dikenali sebagai Standard Pengukuran Indeks Jisim Badan (Body Mass Index – BMI) untuk Murid Sekolah Berumur Lima hingga Sembilan Tahun (BMI 5-9T). Program ini akan dilaksanakan mulai tahun 2022. Tujuan program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada murid seawal lima tahun tentang kepentingan memiliki komposisi badan yang ideal untuk kesihatan diri dan mengamalkan gaya hidup sihat.

KPM yakin dengan pelaksanaan program dan aktiviti tersebut serta sokongan semua pihak khususnya ibu bapa dapat membantu menangani masalah obesiti dalam kalangan murid sekolah dengan berkesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS (HULU LANGAT)

SOALAN

YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS (HULU LANGAT) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan pembangunan perjawatan Agensi Antidadah Kebangsaan di daerah-daerah supaya diperbanyakkan jawatan kenaikan pangkat gred 38 dan 40 kerana mereka inilah yang terlibat dengan operasi harian yang membebankan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah mengkaji semula keperluan secara menyeluruh dengan mencadangkan Pelan Pengukuhan Perjawatan AADK dengan model perjawatan baharu di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah. Perkara ini sedang diteliti sebelum dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Agensi Pusat. Fokus utama dalam Pelan Pengukuhan Perjawatan AADK adalah seperti berikut:

- i. Mengukuhkan perjawatan AADK daerah dengan mengambil kira fungsi dan bebanan tugas sebenar;
- ii. Menambah baik gred kenaikan pangkat bagi tujuan laluan kerjaya pegawai mengikut nisbah perjawatan yang bersesuaian; dan
- iii. Menaik taraf gred jawatan supaya selari dengan prinsip '*rate for the job*' terutamanya gred Pengarah Negeri dan Ketua Daerah.

Pengukuhan perjawatan AADK ini adalah bagi memastikan perkhidmatan AADK dapat disampaikan dengan lebih berkesan yang mencakupi skop rawatan dan pemulihan ke atas Orang Kena Pengawasan (OKP) dalam komuniti, pendidikan pencegahan serta penguatkuasaan. Peranan pegawai-pegawai AADK di peringkat daerah amat penting dan kritikal bagi menangani isu penyalahgunaan dadah dalam komuniti.